


# Buletin KUIM



*Auan  
Dari Rektor*


**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**

Saya memanjatkan kesyukuran kepada Ilahi dan setinggi ucapan tahniah di atas penerbitan sebuah wadah yang mendokumentasikan dan menyalurkan pelbagai maklumat berkaitan dengan perkembangan dan aktiviti terkini universiti.

Genap 5 tahun KUIM beroperasi dan membawa pertambahan kakitangan dan pelajar dari tahun ke tahun. Justeru itu, ia juga membawa pertambahan aktiviti yang dijalankan dari masa ke semasa dan ia perlu disalurkan kepada masyarakat luar untuk maklumat umum. Sehubungan itu, saya berharap buletin ini akan menjadi wadah penghubung kepada warga KUIM bagi mendapatkan maklumat tentang perkembangan dan aktiviti terkini universiti.

Adalah menjadi harapan saya agar Buletin KUIM ini dapat dijadikan 'medium' paling berkesan bagi menyebarkan maklumat dan berita yang boleh menggerakkan minda warga KUIM di samping meningkatkan citra KUIM kepada masyarakat luar.

Sekian, wassalam.



**PROF. DATO' DR. ABDUL SHUKOR HJ. HUSIN**  
Rektor  
Kolej Universiti Islam Malaysia.

## KUIM TAWAR 8 PROGRAM IJAZAH BARU

**KUIM** merupakan sebuah institusi pengajian tinggi yang bersifat lebih terfokus dan khusus dalam memberi tumpuan kepada bidang pengajian dan pendidikan Islam. Oleh yang demikian, bagi merealisasikan perancangan akademik yang telah digariskan oleh pihak Universiti, persediaan telah dibuat untuk memperkenalkan program-program baru di samping penubuhan fakulti-fakulti baru seiring dengan keperluan pasaran dan negara.

KUIM akan menawarkan 8 program ijazah baru bermula Jun depan, iaitu Sarjana Muda Pengajian Quran dan Multimedia (Kepujian), Sarjana Muda Pengajian Sunnah dan Pengurusan Maklumat (Kepujian), Sarjana Muda Fiqh dan Fatwa (Kepujian), Sarjana Muda Syariah dan Undang-Undang, Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Sains Aktuari dan Pengurusan Risiko), Sarjana Muda Sains Komputer dengan Kepujian (Keselamatan & Jaminan Maklumat), Sarjana Muda Bahasa Arab dan Komunikasi (Kepujian) dan Sarjana Muda Perubatan & Bedah. Tempoh Program Pengajian ini adalah selama 4 tahun manakala bagi Program Sarjana Muda Perubatan & Bedah, tempoh pengajian adalah selama 6 tahun. KUIM juga telah menubuhkan 2 fakulti baru iaitu Fakulti Perubatan Sains & Kesihatan dan Fakulti Pengajian Bahasa Utama.

### KANDUNGAN

- |  |   |
|--|---|
| <b>02</b>   Penubuhan Unit Khidmat Komuniti KUIM (UKKK)                    | <b>07</b>   FINAS Serah Surat Kebenaran Pengeluaran Filem kepada KUIM PRODUCTION          |
| <b>03</b>   Lawatan Balas Universiti Islam Negeri Indonesia ke KUIM        | <b>08</b>   Kempen Bantuan Derma Tsunami Aceh   |
| <b>03</b>   Kempen Budi Bahasa dan Nilai-Nilai Murni                       | <b>09</b>   Program Jati Diri dan Kecemerlangan Pelajar Kolej Matrikulasi Negeri Sembilan |
| <b>04</b>   Majlis Pelancaran Kejohanan Liga Bola Sepak Inter Fakulti 2005 | <b>10</b>   Pameran   |
| <b>05</b>   Kursus Pembinaan Semangat Berpasukan -"Team Building"          | <b>11</b>   Bengkel Pemantapan Audit Kualiti Dalam-dalam di Allson Klana, Negeri Sembilan |
| <b>06</b>   Majlis Penyerahan Cek Basiswa & Tabung Ehsan BIMB              | <b>10</b>   Perlantikan Baru Kakitangan KUIM  |

# Penubuhan Unit Khidmat Komuniti KUIM (UKKK)

**KUIM** sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi yang memperjuangkan ajaran Islam dalam pendidikan, mempunyai peranan yang begitu luas dan besar. KUIM juga diharapkan dapat menjangkau sumbangannya bukan sahaja dalam bidang akademik, tetapi juga dalam memberikan khidmat komuniti. Kejadian Tsunami pada 26 Disember 2004, adalah merupakan satu cabaran yang sangat penting kepada KUIM. Harapan yang begitu besar telah diberikan kepada KUIM agar tampil ke hadapan dan memainkan peranan yang lebih bermakna atas nama Islam.

Bagi menyambut cabaran ini, KUIM telah mengambil inisiatif mewujudkan satu kumpulan *'task force'* KUIM berbentuk *'Dakwah Smart Team'* untuk memulakan satu khidmat kepada komuniti dengan tersusun dan berkesan. Majlis pelancaran Khidmat Komuniti KUIM telah diadakan pada 2 Mac 2005 yang lalu. Pengwujudan *'task force'* (*Dakwah Smart Team*) ini bertujuan untuk mengembeleng tenaga warga KUIM bagi menyusun satu pasukan tampil kemuka memberi khidmat kepada masyarakat secara terancang dan tersusun terutama apabila diperlukan.

Objektif penubuhan Unit Khidmat Komuniti KUIM ini adalah untuk mewujudkan satu kumpulan *'task force'* di kalangan warga KUIM di



• En. Mohamad Isa b. Amat menunjukkan gambar pengalaman di Aceh sambil diperhatikan oleh Dato' Rektor.

samping memberikan latihan yang sesuai dalam bidang khidmat sosial seperti kaunseling, kewartawanan, komunikasi serta mendapatkan sokongan dan *networking* dari badan sosial yang lain. Di samping itu, ia juga bertujuan untuk memperkukuhkan kemahiran dan pengetahuan ahli *task force* dalam pelbagai bidang yang diperlukan.

Menurut Dato' Rektor, dengan adanya Khidmat Komuniti KUIM ini maka KUIM akan mempunyai kumpulan *task force* yang sentiasa bersedia untuk menghulurkan bantuan. Unit ini ditubuhkan bukan untuk mencari nama tetapi ia lebih

menuntut kepada tanggungjawab kita untuk memberi sepenuh komitmen sebagai ahli dalam masyarakat dan tidak mengharapkan balasan atau pengiktirafan.

Antara acara yang dijalankan di dalam majlis ini adalah perkongsian pengalaman wakil KUIM ke Aceh dan tayangan *Slide* oleh Encik Azman b. Abd. Rahman dan Encik Mohamad Isa b. Amat. Di samping itu juga juga lawatan pameran diadakan untuk tetamu VIP. Majlis pelancaran ini telah dirasmikan oleh Dato' Dr. Abdul Shukor, Rektor Kolej Universiti Islam Malaysia.

# Lawatan Balas Universiti Islam Negeri Indonesia ke KUIM



• Pelajar-pelajar dan Pensyarah Universiti Islam Negeri Indonesia

**PADA** 9 Februari 2005, KUIM telah menerima kunjungan dari Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah (UIN) Jakarta, Indonesia. Justeru itu, satu Majlis Sambutan & Diskusi bersempena lawatan dari UIN ini telah diadakan bagi meraikan kedatangan rombongan Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah (UIN), sebagai lawatan balas ke KUIM.

Di samping itu majlis ini bertujuan memberikan pendedahan antarabangsa kepada pelajar agar mereka mempunyai perspektif global serta meneroka pengalaman

dan pengetahuan yang boleh ditingkatkan melalui peluang kerjasama dari segi program pertukaran pelajar, kecemerlangan akademik dan pembangunan fizikal.


Antara agenda yang dijalankan adalah seminar "Rekonstruksi Ilmu Ekonomi Islam" dan Majlis Dialog di antara Pensyarah, pelajar KUIM dan pelajar UIN. Prof. Dr. Muhammad Muda, Dekan Fakulti Ekonomi dan Muamalat KUIM dan Pn. Euis Amalia, Pensyarah dari Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah telah menjadi pembentang untuk seminar itu.

# Kempen Budi Bahasa dan Nilai- Nilai Murni

**PROGRAM** Kempen Budi Bahasa dan Nilai Murni yang bertemakan 'Budi Pekerti Jati Diri Bangsa' telah dijayakan pada 3 Mac 2005. Kempen ini diadakan sempena dengan Kempen Budi Bahasa dan Nilai Murni yang dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 11

Januari 2005 lalu di Istana Budaya, Kuala Lumpur. Sebagai memikul peranan warga Malaysia yang prihatin, Biro Informasi dan Penerbitan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan Urusetia Kebudayaan dan Kesenian (UKK) dengan kerjasama Unit Perhubungan dan Kebudayaan bekerjasama menganjurkan program ini bagi meningkatkan kualiti budaya murni kampus.

Majlis Perasmian Penutupan program ini telah disempurnakan oleh Y.Bhg. Prof. Dr. Mohammad Hj Alias Timbalan Rektor (HEP & Pembangunan). Di dalam majlis ini, hadiah turut disampaikan kepada pemenang-pemenang pertandingan banner, poster dan mengarang puisi. Antara isi utama ucapan Y.Bhg. Timbalan Rektor (HEP & Pembangunan) ialah mengingatkan bahawa sebagai rakyat yang berilmu dan bertamadun mahasiswa harus ada pakej yang lengkap termasuklah salah satunya nilai-nilai murni. Ini kerana dengan wujudnya budi bahasa dan tingkah laku yang baik akan dapat meneguhkan peribadi dan jati diri masyarakat.



# Majlis Pelancaran Kejohanan Liga Bola Sepak Inter Fakulti 2005




• Dari Kiri - K. Raja Gopal, Prof. Dr. Mohammad Hj. Alias bersama atlet KUIM.

**SATU** Majlis Pelancaran Kejohanan Liga Bola Sepak Inter Fakulti 2005 telah diadakan pada 23 Februari 2005 yang lalu bertempat di Menara B Kolej Universiti Islam Malaysia. Kejohanan ini bertujuan untuk menggalakkan pelajar melibatkan diri dalam aktiviti luar bilik kuliah.

Kejohanan ini juga diharap dapat menjadi medan latihan dan pemilihan pemain bola sepak KUIM yang mampu bersaing di dalam arena bola sepak IPT khususnya. Melalui kejohanan yang bakal diadakan ini adalah diharap para pemain yang menyertai akan menanam sifat dan semangat juang apabila mengalas cabaran KUIM di dalam arena sukan terutamanya di dalam acara perdana ini iaitu bola sepak.

Antara objektif majlis ini diadakan untuk meningkatkan mutu sukan bola sepak KUIM khususnya yang dilihat sebagai faktor utama

menaikkan nama KUIM di dalam arena sukan IPT kerana kemahiran yang bakal diperolehi dapat menjurus kepada pembentukan pasukan bola sepak universiti yang mantap di masa akan datang.



lainya juga sebagai salah satu cara untuk menyetengahkan bakat-bakat baru KUIM dan menjadi satu medan latihan berterusan kepada semua pemain agar mempunyai daya tahan yang lebih untuk menyetengahkan budaya "KUIM CERGAS, KUIM CERDAS" serta menampilkan imej yang baik kepada masyarakat luar.

Majlis ini telah dihadiri oleh tokoh sukan Malaysia, Ketua Pasukan Bola Sepak Bawah 20 tahun iaitu Encik K.Raja Gopal dari FAM yang bertujuan untuk memberi dorongan dan kata-kata semangat kepada atlet-atlet KUIM yang berbakat dalam bidang sukan sekaligus menjadikan sukan sebagai salah satu kerjaya tetap di masa akan datang. Majlis ini telah dirasmikan oleh Y.Bhg.Prof. Dr. Mohammad Hj. Alias, Timbalan Rektor HEP dan Pembangunan KUIM.

# Kursus Pembinaan Semangat Berpasukan - "Team Building"

**KURSUS** Pembinaan Semangat berpasukan kali-1 yang dianjurkan oleh Unit Latihan, Bahagian Sumber Manusia telah berjaya diadakan seperti yang dirancang. Program tiga hari dua malam ini telah diadakan di Pusat Latihan Rebutia, Gombak Utara, Selangor Darul

Ehsan dan melibatkan se-ramai 42 orang peserta dari pelbagai kategori jawatan.

Antara program yang dijalankan adalah seperti "*ice breaking*" yang bertujuan untuk membuka ruang kepada peserta untuk berkenalan

dengan rakan peserta lain dan mewujudkan hubungan persahabatan di kalangan peserta serta mengekalkannya untuk kebaikan pengurusan persatuan/kelab masing-masing.

Ceramah bertajuk 'Membina Semangat Kerja Berpasukan' telah disampaikan oleh Dr. Yahya bin Mat Hassan, Presiden ITTAR. Fasilitator terdiri daripada pegawai-pegawai KUIM iaitu En. Muhammad Haizuan Rozali, Puan Masni Hasim, Puan Nor Azzah Momin, Puan Nurhazreen Mohd Noor, En. Zairul Hisham Ahmad Khulaimi, En. Mohd Asri Husain dan En. Sulaiman Hassan.

Program ini telah diakhiri dengan persembahan dari setiap kumpulan dan makan tengahari. Majlis ini turut dihadiri oleh Prof. Dato' Dr. Mohamed Asin Dolah, Timbalan Rektor Akademik dan Penyelidikan.



• Para Peserta Kursus Pembinaan Semangat Berpasukan.



# Majlis Penyerahan Cek Biasiswa & Tabung Ehsan BIMB

**BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD** telah menyerahkan Cek Biasiswa BIMB & Tabung Ehsan kepada 7 orang pelajar KUIM yang mengikuti pengajian di peringkat Sarjana Muda di satu majlis yang diadakan di KUIM pada 6 Oktober 2005 yang lalu.

Biasiswa BIMB & Tabung Ehsan ini telah diwujudkan untuk membantu pelajar universiti tersebut yang kurang berkemampuan serta mempamerkan pencapaian cemerlang dalam bidang akademik dan ko-kurikulum.

Tahun lepas, Bank Islam telah menyumbang sebanyak RM 150,000 kepada KUIM bagi tujuan membiayai pengajian para pelajar KUIM yang kurang - berkemampuan. Biasiswa ini telah disampaikan oleh Y.Bhg Prof. Dato' Dr. Mohamed Asin Dollah. Turut hadir di majlis tersebut ialah Pendaftar, Tuan Hj. Addenan.

Menurut Dato' Asin, program hari ini adalah merupakan satu titik permulaan ke arah satu jalinan kerjasama yang lebih erat di antara KUIM dengan BIMB selain daripada untuk memberi bantuan kepada para pelajar yang kurang berkemampuan tetapi berpotensi dan cemerlang dalam bidang akademik.

Penerima Cek Biasiswa BIMB adalah Ahmad Norsyafwan Norawavi, Suhana Shamsuddin, Rafidah Nur Ahmad dan Nurul Huda Sayoti, masing-masing menerima biasiswa berjumlah RM3500 sepanjang tempoh 3 tahun pengajian di KUIM. Sementara itu, penerima Biasiswa Tabung Ehsan adalah Mohd Adlan Jalil, Armila Mat Lazim dan Nurul Hidayah Ramli, masing-masing menerima biasiswa berjumlah RM3250 sepanjang tempoh 3 tahun pengajian di KUIM.



• Dato' Asin (kanan) bersama para pelajar yang menerima Cek Biasiswa & Tabung Ehsan BIMB (gambar oleh Syam)

# FINAS Serah Surat Kebenaran Pengeluaran Filem kepada KUIM PRODUCTION

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA (KUIM) buat julung kalinya menerima lesen pengeluaran filem yang diserahkan oleh FINAS kepada KUIM PRODUCTION pada 30 Disember 2004 yang lalu bertempat di Pawagam P.Ramlee, FINAS. KUIM PRO yang ditubuhkan di bawah KUIM adalah *production house* yang terlibat dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan rundingcara, pendidikan, penghasilan, penerbitan, membekal dan penyebaran bahan audio visual untuk tujuan latihan dan pendidikan, pengembangan dan penyelidikan, promosi dan komersial.

Sebagai permulaan, KUIM production ditubuhkan sebagai satu Badan Amanah dengan akaun amanahnya diletakkan di bawah pejabat Bendahari sehinggalah ia boleh

berdiri sendiri sebagai sebuah badan korporat di universiti seterusnya dijadikan sebuah syarikat Sdn. Bhd. di bawah universiti. Kewujudan KUIM PRO. adalah selari dan mendukung wawasan, misi dan objektif penubuhan KUIM sebagai sebuah IPTA. Ia juga adalah sebagai saluran bagi sumber penajaan pendapatan dengan tidak mengorbankan atau membelakangkan kepentingan pengajaran dan pembelajaran di universiti.

KUIM PRO. juga boleh dilihat sebagai serampang tiga mata dimana yang pertamanya ia membantu proses dan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Kedua, sebagai sumber untuk menjana pendapatan dan menjadi satu landasan sebagai penghubung di antara universiti dengan industri dan organisasi yang terlibat sama-

da secara langsung atau tidak langsung dengan perkara-perkara berkaitan filem, audio-visual, kewartawanan dan seni persembahan dan seterusnya sebagai pemangkin kepada perkembangan budaya ilmu dalam industri berkaitan.

Di samping itu juga penubuhan KUIM PRO. bertujuan untuk melibatkan diri dalam penerbitan audio-visual dan membekalkan rancangan TV yang sesuai dengan kepakaran KUIM selaras dengan usaha kerajaan untuk menerbitkan lebih banyak lagi rancangan atau program yang berbentuk keagamaan dan moral di samping mengadakan usahasama dengan *production house* lain untuk penerbitan rancangan-rancangan tertentu samada untuk tujuan komersial atau amal.

FINAS sebagai sebuah Badan Berkanun Persekutuan bertanggungjawab untuk menggalak, memelihara dan memudahkan kemajuan perusahaan perfileman di Malaysia telah berbesar hati untuk memberi kebenaran pengeluaran filem kepada KUIM.

Majlis ini turut dihadiri oleh Dato' Abdul Aziz Abdul Rahman selaku Pengerusi FINAS dimana beliau telah menyerahkan Lesen Pengeluaran Filem kepada pihak KUIM yang diwakili oleh Prof. Dr. Mohammad Haji Alias selaku Timbalan Rektor HEP & Pembangunan Kolej Universiti Islam Malaysia.



• Dato' Abdul Aziz Abdul Rahman (kiri) menyerahkan Surat Kebenaran pengeluaran filem kepada Prof. Dr. Mohammad Haji Alias (kanan).

# Kempen Bantuan Derma Tsunami Acheh

**BARU-BARU** ini kita telah dikejutkan dengan satu kejadian yang begitu dahsyat iaitu kejadian bencana Ombak Besar Tsunami yang melanda banyak negara. Sebanyak 9 buah negara termasuk utara Semenanjung Malaysia telah musnah akibat dilanda Tsunami. Di antara tempat-tempat yang terlibat, wilayah Aceh adalah wilayah yang paling teruk musnah akibat bencana tersebut. Hampir beratus ribu nyawa dan harta benda musnah dalam kejadian tersebut.

Sehubungan dengan itu, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Kolej Universiti Islam Malaysia 04/05 dengan diketuai oleh saudara Muhammad Tarmizi Ahmad dengan kerjasama Jawatankuasa Kebajikan Asrama (JAKSA) telah mengadakan Kempen "Bantuan Derma Tsunami Aceh". Kempen ini bertujuan untuk membantu mangsa Tsunami di wilayah Aceh dalam usaha meringankan beban mereka selepas kejadian tersebut.



• Muhammad Tarmizi Ahmad, pelajar KUIM menyerahkan kutipan derma kepada wakil 'Global Peace Malaysia'.

Selain itu, kempen ini juga bertujuan untuk melahirkan kelompok kakitangan dan mahasiswa KUIM yang prihatin. Ia juga merupakan salah satu langkah bagi memperkenalkan Kolej Universiti Islam Malaysia dalam usaha melibatkan universiti dengan perkara-perkara ke arah kebaikan.

Kempen ini diadakan selama 3 minggu dari 9 Januari hingga 27

Januari 2005 yang bertempat di kediaman pelajar KUIM. Ia telah mendapat sambutan daripada mahasiswa dan mahasiswi KUIM. Bentuk-bentuk sumbangan yang diterima ialah wang tunai iaitu sebanyak RM1004.00. Manakala sumbangan-sumbangan lain ialah pakaian berupa baju T-shirt, baju kemeja, seluar, kain pelekat, baju kurung, kain tudung, telekung, barangan wanita dan kain tuala. Terdapat juga sumbangan berbentuk makanan dan alat tulis.

Sambutan ini menunjukkan bahawa mahasiswa KUIM masih lagi prihatin dengan isu-isu semasa walaupun sibuk dengan pelajaran. Semua sumbangan itu diserahkan oleh Mohd Tarmizi bersama-sama Norfiza Mohd Alapiah, Mahyeddin Mohd Salleh dan Muhammad Helmi Md. Zain kepada 'Global Peace Malaysia' baru-baru ini.



# Program Jati Diri dan Kecemerlangan Pelajar Kolej Matrikulasi Negeri Sembilan

**PADA** 4 Februari 2005, Bahagian Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengadakan satu program jati diri untuk pelajar-pelajar Kolej Matrikulasi. Program ini telah berlangsung selama 3 hari bertempat di Kolej Matrikulasi Negeri Sembilan yang merupakan anjuran bersama Majlis Tindakan Ekonomi Negara dengan kerjasama Kolej Universiti Islam Malaysia dan Universiti Putra Malaysia. Pihak KUIM telah menghantar 50 orang mahasiswa sebagai fasilitator dan urusetia bagi program tersebut manakala pihak UPM telah menghantar 80 orang mahasiswa sebagai wakil fasilitator UPM.

Ia telah membuka laluan untuk memperkembangkan secara maksimum potensi pelajar cemerlang Sijil Pelajaran Malaysia dalam memenuhi aspirasi melahirkan bumiputera yang terunggul dalam bidang profesional di Institusi Malaysia. Objektif utama program ini ialah untuk memberi kefahaman dan kesedaran kepada pelajar mengenai peranan dan tanggungjawab kepada diri, masyarakat, agama dan negara, membina dan membentuk peribadi pelajar cemerlang yang boleh menjadi *role model* kepada masyarakat dan menyediakan kelangsungan pimpinan yang boleh dipertanggungjawabkan terhadap halatuju perjuangan masa depan negara.

Kempen ini diadakan selama 3 minggu dari 9 Januari hingga 27 Januari 2005 yang bertempat di kediaman pelajar KUIM. Ia telah mendapat sambutan daripada mahasiswa dan mahasiswi KUIM. Bentuk-bentuk sumbangan yang diterima ialah wang tunai sebanyak RM1004.00. Manakala sumbangan-sumbangan lain ialah pakaian berupa baju T-shirt, baju kemeja, seluar, kain pelekat, baju kurung, kain tudung, telekung, barangan wanita dan kain tuala. Terdapat juga sumbangan berbentuk makanan dan alat tulis. Sambutan ini menunjukkan bahawa mahasiswa KUIM masih lagi prihatin dengan isu-isu semasa walaupun sibuk dengan pelajaran. Bantuan ini akan dihantar kepada pihak Utusan bagi disalurkan kepada mereka yang memerlukan.

## Kursus Induksi Rakan Muda (KUDUS)

**PADA** 28 Januari 2005 Sekretariat Rakan Muda telah menganjurkan satu kursus induksi yang telah dijalankan selama tiga hari iaitu bermula pada 28 Januari dan berakhir pada 30 Januari 2005. Kursus ini merupakan satu program kerjasama dengan Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) KUIM dan Kementerian Belia dan Sukan (KBS). Kursus ini telah berlangsung di PDS Resort & Camp, Kompleks Komuniti Pasir Panjang, Port Dickson, Negeri Sembilan. Pada 28 Januari 2005 Sekretariat Rakan Muda telah menganjurkan satu kursus induksi yang telah dijalankan selama tiga hari iaitu bermula pada 28 Januari dan berakhir pada 30 Januari 2005. Kursus ini merupakan satu program kerjasama dengan Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) KUIM dan Kementerian Belia dan Sukan (KBS). Kursus ini telah berlangsung di PDS Resort & Camp, Kompleks Komuniti Pasir Panjang, Port Dickson, Negeri Sembilan.

Program ini melibatkan 63 orang mahasiswa dan mahasiswi iaitu 21 orang urusetia dan 24 orang peserta. Pelbagai aktiviti telah dijalankan seperti kursus asas survival. Kursus ini merupakan satu acara yang melatih pelajar cara-cara menggunakan kompas, mengenali jenis-jenis pokok yang boleh dimakan di dalam hutan, membuat dan mencari genali jenis-jenis perangkap di dalam hutan dan sebagainya. Aktiviti berkhemah dan berakit di laut juga diadakan sebagai salah satu cara meningkatkan stamina pelajar. Terdapat juga ceramah-ceramah yang disampaikan oleh pegawai HEP dan juga pegawai daripada Kementerian Belia dan Sukan. Program ini telah berakhir dengan jayanya pada 30 Januari 2005.

# PAMERAN

Pameran Pendidikan dan  
Kerjaya Penyayang 2005 di  
Kepala Batas, Pulau Pinang  
- 27 hingga 28 Februari 2005

Ekspo Pendidikan - Gemilang  
Informasi Kerjaya  
2005, Sungai Petani, Kedah  
- 4 hingga 6 Mac 2005

Program Outreach Ber-  
sepadu Kementerian  
Pengajian Tinggi dan  
Pelancaran kempen Satu  
Keluarga Satu Graduan,  
Banting, Selangor - 6 Mac  
2005

Ekspo Pendidikan Perak  
2005, Stadium Indera Mulia,  
Ipoh - 1 hingga 3 April 2005

Ekspo Pengajian Tinggi  
Negara 2005, Bandar Sungai  
Emas, Sungai Manggis  
Kuala Langat Selangor - 24  
hingga 25 April 2005



# Bengkel Pemantapan Audit Kualiti Dalam di Allson Klana, Negeri Sembilan

KUIM telah memperolehi pensijilan MS ISO 9001:2000 skop Penyediaan Perkhidmatan Pendidikan pada Peringkat Sarjana Muda termasuk Rekabentuk dan Pembangunan Kurikulum Program oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd. pada 26 November 2004 yang lalu. Sistem yang telah dibantu ini memerlukan pemantauan secara berterusan bagi meningkatkan keberkesannya dari semasa ke semasa melalui aktiviti audit dalaman yang dijalankan 2 kali setahun.

Ini kerana keberkesanan pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti KUIM perlu ditingkatkan dari semasa ke semasa. Bagi meningkatkan keberkesanan pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti tersebut, aktiviti audit perlu dijalankan meliputi keseluruhan klausa ISO oleh Pasukan Audit Kualiti Dalam yang mendapat latihan yang sewajarnya.

Sehubungan itu, satu sesi Bengkel Pemantapan Audit Dalam Sistem Pengurusan Kualiti KUIM MS ISO 9001:2000 telah diadakan pada 27 hingga 29 Januari 2005 yang lalu bertempat di Allson Klana Resort Seremban, Negeri Sembilan. Bengkel selama 3 hari ini adalah anjuran bersama Unit Pengurusan Kualiti KUIM dengan SQIS SIRIM Berhad.

Seramai 29 orang kakitangan KUIM telah menyertai bengkel ini dimana mereka 'adalah terdiri daripada



• Kakitangan KUIM yang menyertai Bengkel Pemantapan Audit Dalam di Allson Klana.

Pasukan Audit Kualiti dan wakil pensyarah KUIM. Objektif bengkel ini adalah untuk meningkatkan kompetensi auditor dalaman Sistem Pengurusan Kualiti KUIM untuk

menjalankan aktiviti audit kualiti dalaman disamping untuk memberi pendedahan kepada bakal-bakal auditor yang dilantik mewakili setiap Fakulti di KUIM.



• Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor (Rektor) berucap sempena perasmian Bengkel Pemantapan audit Dalam.

# PERLANTIKAN BARU KAKITANGAN KUIM



## KAKITANGAN BUKAN AKADEMIK

Norhaswati bt Mat Naffi	- Pembantu Akauntan
Cik Sharazreen binti Anas	- Penolong Pegawai Sistem Maklumat
Ir. Amirrudin bin Mohamed	- Jurutera Mekanikal
En. Mohd Muzalanie	- Penjaga Jentera Elektrik
En. Hafas bin Ayob	- Pembantu Perpustakaan
Cik Norlizawaty Tumin	- Pegawai Tadbir (Perpustakaan)
En. Muhammad Hekal	- Pembantu Tadbir (P/O) Fakulti Ekonomi & Muamalat
Cik Norazah bt Yusup	- Pembantu Tadbir (P/O) Unit Sukan & Rekreasi
Cik Nursallyma Mohd Kassim	- Pembantu Tadbir (P/O) FPQS
Cik Nurhassikin Maulat Mahmud	- Pembantu Tadbir (P/O)FSU
Cik Azlinda Abd Aziz	- Pembantu Tadbir (P/O) Unit Perhubungan Awam
Cik Norfiza bt Mohd Zakaria	- Pembantu Tadbir (P/O) Fakulti Sains dan Teknologi
En. Syukri bin Baharudin	- Pembantu Tadbir (P/O) Unit Keselamatan

## KAKITANGAN AKADEMIK KUIM

En. Zulkifli bin Hasan	- Pensyarah FSU
En. Lukmanul Hakim	- Tutor FSU
En. Muhammad Nizam	- Pensyarah FSU
En. Mohamad Isa bin Amat	- Tutor FKP
En. Wan Mohd Fazrul Azdi	- Tutor FKP
En. Khairunneezam	- Tutor FKP
Pn. Wan Azura Wan Ahmad	- Pensyarah Unit Bahasa Arab
En. Mohd Zaini Zakaria	- Tutor FPQS
Pn. Haliza Harun	- Pensyarah Unit Bahasa Inggeris
En. Mohammad Noorizuddin	- Pensyarah FEM
Pn. Noraini Abdul Rahman	- Pensyarah Unit Bahasa Inggeris
Pn. Siti Masitah Elias	- Tutor FST
Cik Nathasa Mazna Ramli	- Tutor

